

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA****KENYATAAN MEDIA**

**PROGRAM PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET)
DAN KERJAYA ORANG ASLI**

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menganjurkan Program TVET dan Kerjaya Orang Asli pada 3 Jun 2023 bertempat di Orang Asli One Stop Centre (OAOSC) Bawong, Sungai Siput, Perak. Penganjuran program ini adalah selaras dengan sambutan hari TVET pada 2 Jun setiap tahun. Program ini merupakan inisiatif YB Menteri Sumber Manusia untuk meningkatkan kesedaran dan penglibatan komuniti Orang Asli dalam bidang TVET.
2. Program ini bertujuan mempromosikan pelbagai kemahiran berasaskan TVET untuk membantu meningkatkan sosio-ekonomi komuniti Orang Asli. Selain itu, program ini dapat memberikan peluang latihan dan kerjaya berasaskan TVET kepada sasaran, di samping mendapatkan maklumat profil (profiling) komuniti Orang Asli yang berminat untuk menyertai program TVET. Program ini merupakan platform penting untuk membentuk kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 dan perubahan teknologi di pasaran kerja. Usaha ini adalah untuk melahirkan modal insan berkualiti dan berkemahiran tinggi yang menjadi fokus Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) melalui Agenda Pemerkasaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Negara.
3. Program ini melibatkan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH), syarikat swasta, dan pertubuhan bukan kerajaan. Selain itu, program ini turut melibatkan pengamal industri, badan professional, badan kawal selia TVET, dan ikon TVET yang turut serta bagi menjayakan program ini. Terdapat pameran dan demonstrasi kemahiran yang boleh dimanfaatkan oleh para peserta dalam program ini.

4. Peserta program, terutama golongan belia dalam komuniti Orang Asli telah diberikan pendedahan kepada pelbagai bidang kemahiran berasaskan TVET seperti teknologi elektrik, pemasangan perancah (scaffolding), kulinari dan pastri, solekan dan dandanan rambut, serta penghasilan kraftangan. Mereka berpeluang menggunakan peralatan dan kelengkapan latihan yang dibawa oleh para pempamer untuk meningkatkan kefahaman dan minat mereka dalam bidang-bidang tersebut.
5. KSM dan JAKOA akan terus merancang dan melaksanakan pelbagai program TVET secara jangka pendek dan jangka panjang untuk membantu meningkatkan taraf hidup komuniti Orang Asli.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
3 JUN 2023**